

Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen “Win A Drive”

Tempoh Kempen

1. CIMB Bank – Kempen “Win A Drive” (“**Kempen ini**”) adalah dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad (“CIMB Bank”) dan akan berlangsung dari 1 Mei 2018 sehingga 31 Julai 2018, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“**Tempoh Kempen**”).
2. Kempen ini diadakan bersama dengan CIMB Islamic – Kempen “Win A Drive” yang dianjurkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad (“**CIMB Islamic**”). Dalam menjalankan Kempen sempena dengan CIMB Islamic, Hadiah di bawah Kempen ini akan datang dari Hadiah yang sama bertujuan untuk kempen yang dianjurkan oleh CIMB Islamic.
3. CIMB Bank menyimpan hak untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar.

Kelayakan

4. Kempen ini terbuka secara eksklusif kepada semua rakyat Malaysia sekurang-kurangnya berumur 21 tahun yang memohon Pinjaman Peribadi Cash Plus CIMB Bank (“**Pinjaman Peribadi CIMB**”) melainkan orang/entiti yang berikit: -
 - (i) Kakitangan atau pekerja-pekerja tetap dan/atau sambilan Kumpulan Syarikat CIMB dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak, ibu bapa, abang dan kakak); dan/atau
 - (ii) Wakil dan/atau ejen-ejen (termasuk ejen-ejen pengiklanan dan kempen, vendor pihak ketiga dan pembekal perkhidmatan) CIMB Bank (termasuk subsidiarinya dan/atau syarikat-syarikat berkenaan) dan pekerja-pekerja tetap dan/atau kontrak dan/atau ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak-anak, ibu bapa dan adik-beradik); dan/atau
 - (iii) Mana-mana Perkongsian, Organisasi/Persatuan Kebajikan/Bukan Untung, Pelanggan Korporat dan Komersial, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi.

Kumpulan Syarikat CIMB bermakna kumpulan syarikat/entititi undang-undang di mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat induk muktamad CIMB Bank yang mempunyai kepentingan kawalan, secara langsung atau tidak langsung, samada dengn sendiri atau subsidiari syarikatnya.

(Selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Peserta Layak**”).

Kriteria Penyertaan

5. Selepas Peserta Layak memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Klausula 6, Peserta Layak akan memperolehi penyertaan ("**Penyertaan Layak**") bagi berpeluang memenangi salah satu Hadiah yang dinyatakan dalam Klausula 6. Penyertaan yang diperolehi oleh Peserta Layak ditentukan berdasarkan saluran yang digunakan oleh Peserta Layak dalam permohonan Pinjaman Peribadi CIMB Bank semasa Tempoh Kempen:

Saluran Permohonan	Kelayakan Pinjaman yang dikeluarkan Sepanjang Tempoh Kempen	Jumlah Penyertaan Diperolehi
Semua Cawangan Jualan CIMB, dan Rakan Kongsi CIMB*	Setiap RM1,000 pinjaman dikeluarkan	1x
*Saluran Digital melalui khidmat sendiri – Laman Web CIMB, CIMB Clicks, CIMB ATM	Setiap RM1,000 pinjaman dikeluarkan	3x

* Rakan Kongsi CIMB bermaksud permohonan Pinjaman Peribadi CIMB yang berasal dari laman web yang mengambil bahagian sepertimana yang diluluskan oleh CIMB Bank dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, permohonan Pinjaman Peribadi CIMB dianggap berasal dari Rakan Kongsi CIMB apabila pemohon klik pada sepanduk CIMB Bank di laman web Rakan Kongsi CIMB dan memberi persetujuan supaya maklumat dikongsikan dengan CIMB Bank agar perunding pemasaran runcit dapat menghubungi mereka bagi penyerahan permohonan Pinjaman Peribadi CIMB.

* Saluran Digital melalui khidmat sendiri diperjelaskan seperti cara yang berikut: -

- (i) Peserta Layak memohon dan memuat naik dokumentasi lengkap melalui laman web CIMB Bank; atau
 - (ii) Peserta Layak memohon dan memuat naik dokumentasi lengkap melalui CIMB Clicks; atau
 - (iii) Peserta Layak memohon melalui ATM CIMB dan selepas itu beliau akan dihubungi oleh perunding pemasaran untuk melengkapi penyerahan permohonan
6. Peserta Layak mesti memenuhi kriteria berikut untuk mendapat Penyertaan Layak:
- (i) Peserta Layak memohon untuk Pinjaman Peribadi CIMB semasa Tempoh Kempen melalui semua saluran jualan CIMB Bank
 - (ii) Pinjaman Peribadi CIMB telah diluluskan, dikeluarkan sepenuhnya dalam Tempoh Kempen dari CIMB Bank ke akaun Semasa/Simpanan CIMB Bank/CIMB Islamic Peserta Layak;
 - (iii) Peserta Layak telah membayar ansuran pertama Pinjaman Peribadi CIMB mereka **sebelum** tarikh matang.

(selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Kriteria Penyertaan**").

Hadiah

7. Hadiah-hadiah berikut akan disediakan kepada pemenang-pemenang yang terpilih dalam Kempen ini berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini:

Kategori Hadiah	Hadiah	Jumlah unit setiap bulan	Bulan Kempen	Jumlah unit sepanjang Tempoh Kempen
Hadiah Utama	Perodua Myvi 1300 G (Auto)	1	1hb Mei – 31hb Mei 2018	3
		1	1hb Jun – 30hb Jun 2018	
		1	1hb Julai – 1hb Julai 2018	
Hadiah Saguhati	RM200 Kad Hadiah Petronas	100	1hb Mei – 31hb Mei 2018	300
		100	1hb Jun – 30hb Jun 2018	
		100	1hb Julai – 31hb Julai 2018	
Jumlah				303

(Hadiah-hadiah yang dinyatakan di atas adalah selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Hadiah**”)

(Setiap bulan kempen dirujuk sebagai “**Bulan Kempen**”, secara kolektif dirujuk sebagai “**Bulan-bulan Kempen**”)

Proses Pemilihan Pemenang

8. Selepas setiap Bulan Kempen, Peserta Layak yang memenuhi Kriteria Penyertaan akan dipilih secara rawak oleh sistem pemilihan automatik daripada jumlah Penyertaan Layak semasa Tempoh Kempen (“**Peserta Disenarai Pendek**”) bagi Hadiah yang berikut: -

i. **Hadiah Utama**

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat disini, sistem automatik CIMB Bank akan menjana satu senarai pemenang berpotensi untuk dinamakan sebagai pemenang untuk menerima Hadiah Utama yang dinyatakan dalam Klausa 7 (“**Pemenang Hadiah Utama Berpotensi**”). Pemenang Hadiah Utama Berpotensi akan dihubungi melalui telefon pada nombor telefon mereka yang dikekalkan dalam rekod CIMB Bank dalam masa sepuluh (10) minggu selepas penamatan Bulan Kempen dan beliau dikehendaki menjawab dua (2) soalan dengan betul sebelum diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Utama. Sekiranya panggilan cubaan pertama kepada Pemenang Hadiah Utama Berpotensi gagal, oleh sebab seperti tiada jawapan, nombor telefon tiada dalam perkhidmatan, tiada sambungan atau sebab-sebab lain, dua (2) lagi cubaan akan dibuat untuk menghubungi Pemenang Hadiah Berpotensi. Sekiranya cubaan kali ketiga tidak Berjaya, Pemenang Hadiah Utama Berpotensi tersebut akan dilucuthak dan tidak

berhak memenangi Hadiah Utama tersebut. Peserta Disenarai Pendek yang baru kemudian akan dipilih secara rawak oleh sistem pemilihan automatik daripada jumlah penyertaan. Pemenang Hadiah Utama Berpotensi seterusnya yang sebelum ini dipilih berdasarkan senarai akan dihubungi selepas itu.

Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang Berjaya menjawab dua (2) soalan dengan betul akan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah Utama ("**Pemenang Hadiah Utama**"). CIMB Bank akan menghantar surat pengesahan kepada alamat Pemenang Hadiah Utama melalui pos dalam masa sepuluh (10) minggu selepas penamatan Tempoh Kempen dan Pemenang Hadiah Utama dikehendaki membawa surat pengesahan tersebut ke mana-mana bilik pameran DMM Sales Sdn Bhd (pengedar Perodua yang sah) berdekatan untuk tujuan penembusan.

ii. Hadiah Saguhati

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat disini, sistem automatic CIMB Islamic akan menjana satu senarai yang mempunyai seratus (100) pemenang selepas setiap Bulan Kempen untuk dinamakan sebagai pemenang untuk menerima Hadiah Saguhati yang dinyakan dalam Klausa 7 ("**Pemenang Hadiah Saguhati**").

Hadiah akan dihantar ke alamat Pemenang Hadiah Saguhati berdasarkan rekod CIMB Bank melalui pos dalam masa sepuluh (10) minggu selepas Tempoh Kempen tamat. CIMB Bank tidak akan melayan sebarang permintaan oleh mana-mana Pemenang Hadiah Saguhati untuk menyampaikan Hadiah ke mana-mana alamat pihak ketiga.

10. CIMB Bank mempunyai hak tunggal untuk menetapkan hari bekerja (Isnin – Jumaat) dan masa (9 pagi – 6 petang) untuk membuat panggilan telefon kepada Pemenang Hadiah Utama Berpotensi. CIMB tidak akan bertanggungjawab bagi panggilan yang dibua kepada Pemenang Hadiah Utama yang (i) perbualan tidak diselesaikan atau talian telefon terputus akibat daripada apa jua sebab; (ii) tidak dijawab atau diteruskan akibat daripada ketiadaan Pemenang Hadiah Utama Berpotensi pada tarikh dan masa yang ditentukan dan/atau akibat daripada apa-apa sebab lain. CIMB Bank menyimpan hak untuk merekodkan perbualan telefon.
11. Semua sesi soal dan jawab akan disaksikan oleh Juruaudit Dalam Kumpulan CIMB dan keputusan adalah muktamad, mengikat dan konklusif dengan syarat sentiasa bahawa keputusan tersebut mesti kelihatan sebagai adil dan munasabah.
12. Pemenang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa nombor telefon mudah alih dan alamat pos mereka ("**Butir-Butir Hubungan**") yang diberikan kepada CIMB Bank adalah terkini dan dikemaskinikan. Sekiranya berlaku perubahan pada Butir-butir Hubungan, pemenang bertanggungjawab memaklumkan CIMB Bank mengenainya. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab kepada pemenang atas sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang berbangkit daripadanya) yang dialami atau ditanggung sekiranya Butir-butir Hubungan yang disimpan dalam rekod CIMB Bank bukan terkini atau tidak tepat.
13. Pemenang hanya layak untuk memenangi dan menerima maksimum satu (1) Hadiah sahaja di bawah Kempen ini.

14. Untuk layak kepada Hadiah, akaun Pinjaman Peribadi Peserta Disenarai Pendek harus dalam kedudukan baik dan tidak dilinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan semasa proses pemilihan Pemenang.
15. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta Layak yang memenangi Hadiah di sini secara tidak boleh dibatalkan memberi kebenaran kepada CIMB Bank untuk mendedahkan nama dan 4 digit terakhir nombor kad pengenalan mereka di laman web CIMB Bank di www.cimbbank.com.my dan di laman web CIMB Islamic di www.cimbislamic.com.my. Jika Peserta Disenarai Pendek tidak memberi kebenaran seperti yang disebut, CIMB Bank berhak untuk membatalkan kelayakan Peserta Disenarai Pendek sebagai pemenang dan selepas itu menarik balik Hadiah.
16. Kecuali harga pembelian Hadiah Utama yang dibayar oleh CIMB Bank pembayaran cukai, insurans, dan/atau semua caj sampingan berkaitan Hadiah Utama akan dibayar oleh Pemenang Hadiah Utama, sekiranya ada. CIMB Bank TIDAK bertanggungjawab untuk membayar kos cukai jalan, insurans kenderaan, kos mengangkut kenderaan kepada Pemenang Hadiah Utama dan/atau sebarang kos sampingan yang lain.
17. Pemenang Hadiah Utama bersetuju dan memberi kuasa kepada CIMB Bank untuk mendedahkan maklumat-maklumat mereka (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat) kepada pengedar/ejen yang akan menghubungi Pemenang Hadiah Utama berkenaan penghantaran atau penembusan Hadiah Utama. Pemenang Hadiah Utama bertanggungjawab untuk membuat susunan yang perlu dengan CIMB Bank dan/atau pengedar/ejen untuk memungut atau menebus Hadiah Utama mereka. CIMB Bank tidak bertanggungjawab untuk membayar kos penginapan dan/atau pengangkutan dan/atau kos lain yang dibayar atau harus dibayar oleh pemenang-pemenang semasa menebus atau menggunakan Hadiah Utama. Pemenang Hadiah Utama dan Pemenang Hadiah Saguhati dengan ini bersetuju bahawa CIMB berhak untuk menerbitkan dan/atau memaparkan bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama-nama dan gambar-gambar Pemenang Hadiah Utama dan Pemenang Hadiah Saguhati yang memenangi Hadiah Utama dan/atau Hadiah Saguhati bagi Kempen ini untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa jua cara yang dianggap sesuai. Ketidakpatuhan boleh menyebabkan pemenang alternatif dipilih.
18. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas Hadiah Utama, yang ditawarkan di bawah Kempen ini. Hadiah Utama (jika berkenaan) adalah ditawarkan dan/atau diberikan semata-mata oleh penjual dan pembekal yang berkaitan, di bawah terma-terma dan syarat-syarat seperti yang ditentukan oleh penjual dan pembekal tersebut dan CIMB Bank tidak menerima liabiliti (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) walau bagaimanapun timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuiaan atau sebaliknya berkaitan dengan Kempen ini dan/atau Hadiah melainkan yang sama adalah disebabkan oleh kecuiaan melampau dan keingkaran sengaja CIMB Bank.

19. Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dirunding, tidak boleh ditukar dengan tunai atau kredit. CIMB Bank tidak akan melayan apa-apa permintaan daripada pemenang untuk menukar Hadiah dengan wang tunai atau hadiah yang berbeza atau apa-apa alternatif lain dalam apa jua keadaan. CIMB Bank tidak akan melayan apa-apa permintaan daripada Pemenang Hadiah Utama untuk mendaftarkan Hadiah Utama di bawah nama pihak ketiga.

Terma-terma dan Syarat-syarat Am

20. Akaun Pinjaman Peribadi Peserta Layak (i) MESTI tidak melanggar terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Pinjaman Peribadi Cash Plus CIMB Bank DAN (ii) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah yang bertentangan ("*adverse order*") yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB Bank, jika tidak, Peserta Layak akan hilang kelayakan untuk menyertai Kempen ini dan tidak layak untuk menang dan menerima Hadiah.
21. CIMB Bank menyimpan hak untuk menggantung, membatalkan, menamatkan atau menarik balik Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari calendar kepada Peserta Layak. Untuk mengelakkan keraguan, penggantungan, pembatalan, penamatan atau penarikan balik Kempen ini tidak memberikan hak kepada Peserta Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau mendapat sebarang pampasan terhadap CIMB Bank atas sebarang kehilangan atau kerugian yang ditanggung oleh Peserta Layak secara langsung atau tidak langsung akibat daripada tindakan penggantungan, pembatalan atau penamatan.
22. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju terikat oleh Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan bersetuju bahawa sebarang dan semua keputusan yang dibuat oleh CIMB Bank berkaitan dengan setiap aspek Kempen ini adalah muktamad dan konklusif dengan syarat sentiasa bahawa keputusan tersebut dibuat dengan adil dan munasabah.
23. CIMB Bank menyimpan hak menurut budi bicara mutlak untuk menyingkirkan mana-mana Peserta Layak yang ditentukannya telah mengganggu proses penyertaan, atau bertindak memungkir atau berpotensi memungkir Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
24. CIMB Bank menyimpan hak, dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar, untuk menggantikan Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini dengan barangan lain yang sama kosnya.
25. Imej, alatan dan reka bentuk Hadiah Utama yang dipaparkan dalam mana-mana bahan pengiklanan termasuk laman web dan semua bahan bercetak yang berkaitan dengan Kempen ini hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja. Model/produk/warna sebenar mungkin berbeza-beza. CIMB Bank menyimpan hak atas budi bicara mutlak untuk menentukan warna Hadiah Utama. CIMB Bank menyimpan hak sebaik sahaja memberi memberi notis terlebih dahulu empat

belas (14) hari kalendar untuk menggantikan Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini dengan item-item yang lain dengan kos yang sama.

26. CIMB Bank tidak menjamin bahawa Kempen ini akan berlangsung tanpa gangguan dan/atau tanpa ralat. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dengan ini mengakui dan secara tidak boleh batal bersetuju bahawa CIMB Bank tidak akan dipertanggungjawabkan dalam apa cara jua terhadap apa-apa kegagalan teknikal tidak kira jenisnya, apa jua gangguan, pengendalian dan/atau kesilapan elektronik yang berbangkit daripada Kempen ini kecuali ianya berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB Bank.
27. CIMB Bank tidak akan dalam apa jua cara sekalipun bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak sekalipun jika CIMB Bank tidak dapat melaksanakan apa-apa kewajipannya di sini di mana ketidakupayaan tersebut adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh apa-apa bencana alam ("*Act of God*"), pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, kegagalan teknikal atau system atau apa-apa yang berada di luar kawalan munasabah CIMB Bank.
28. Dengan menyertai Kempen ini dan/atau menerima Hadiah, Peserta Layak dengan ini bersetuju dan dengan tidak boleh batal dan tidak bersyarat mengaku janji untuk melepaskan CIMB Bank dengan sepenuhnya terhadap semua liabiliti dan bersetuju menanggung rugi CIMB Bank (atas dasar tanggung rugi penuh) dan memastikan CIMB Bank tidak dipertanggungjawabkan terhadap sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ketiga dan terhadap sebarang kehilangan, kerugian, kos atau perbelanjaan (termasuk fi dan kos peguamcara) yang mungkin dialami atau ditanggung oleh CIMB Bank yang diakibatkan oleh atau berkaitan dengan Kempen ini kecuali kehilangan, kerugian atau perbelanjaan tersebut berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB Bank.
29. CIMB Bank menyimpan hak, dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memadamkan, memodifikasi, meminda atau sebaliknya walau bagaimanapun jua) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini. Makluman tentang Pindaan kepada Peserta Layak akan dilakukan menurut budi bicara mutlak CIMB Bank melalui mana-mana satu cara komunikasi berikut, iaitu, dengan memaparkan satu notis berkenaan Pindaan di setiap cawangan CIMB Bank atau melalui laman web CIMB Bank atau melalui sebarang cara makluman lain yang boleh dipilih oleh CIMB Bank dan Pindaan akan dianggap mengikat ke atas Peserta Layak dari tarikh makluman Pindaan atau dari sebarang tarikh lain yang boleh ditetapkan oleh CIMB Bank dalam makluman. Peserta Layak mengakui dan bersetuju mengakses laman web CIMB Bank secara berkala untuk membaca Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan memastikan mereka mendapatkan maklumat yang dikemaskinikan mengenai apa-apa pertukaran atau perubahan pada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
30. Tiada pampasan tunai atau apa-apa jenis yang akan diberikan kepada Peserta Yang Layak untuk sebarang kehilangan atau kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak sebagai hasil langsung atau tidak langsung

dari perubahan, pemadaman, penambahan atau pengubahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini kecuali perkara yang sama adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau dan keingkaran sengaja CIMB Bank.

31. Terma-terma dan Syarat-syarat ini sebagaimana yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa akan mengatasi sebarang peruntukan atau representasi yang terkandung dalam sebarang bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini.
32. CIMB Bank tidak menanggung sebarang tanggungjawab atas sebarang implikasi cukai, cukai barangan dan perkhidmatan, kos sampingan dan/atau sebarang caj dan/atau gantirugi lain yang mungkin diakibatkan oleh mana-mana Hadiah dan/atau jika mana-mana agen/pengedarnya tidak memenuhi kewajipan mereka. Sebarang obligasi pemfailan cukai atau pembayaran cukai yang kena dibayar kepada mana-mana pihak berkuasa atau sebarang kos sampingan dan/atau sebarang caj lain yang mungkin berbangkit akibat penerimaan Hadiah kekal sebagai tanggungjawab tunggal pemenang. Setiap pemenang bertanggungjawab mendapatkan nasihat bebas tentang kemungkinan implikasi cukai di bawah Kempen ini.
33. Sekiranya terdapat apa-apa kepincangan, konflik, kesamaran atau percanggahan antara versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris atau bahasa lain, versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Inggeris akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang disebutkan di sini, jika permintaan dibuat oleh Peserta Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB Bank dalam rekodnya bahawa versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Malaysia akan mengawal Pinjaman Peribadi Cash Plus CIMB Bank, maka versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Malaysia akan mengatasi yang lain.
34. Untuk maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB Bank di alamat, nombor telefon dan nombor faksimile berikut (atau mempunyai alamat, nombor telefon dan nombor faksimile lain yang boleh diubah oleh CIMB Bank kepada memaklumkan Peserta Layak):

Unit Resolusi Pelanggan,
Aras 19, Menara Bumiputra-Commerce, 11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel.: 03 6204 7788
Faks: 03 26913248
Emel: cru@cimb.com